

# **PENGETAHUAN PENTAKSIRAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH PISMP (OPSYEN PENDIDIKAN JASMANI) DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KUALA LUMPUR**

Munira Mohsin, PhD, Rorlinda Yusof, PhD, Chia Chiow Ming & Shaari Osman  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur*

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau kompetensi pentaksiran dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Guru. Responden terdiri daripada 27 orang pelajar tahun akhir bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Ambilan 2008), Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Data dikumpul menerusi kaedah temu bual, analisis dokumen dan Ujian Pengetahuan Pentaksiran yang terdiri daripada 50 soalan berdasarkan lima konstruk utama yang merangkumi konsep, tujuan dan objektif pentaksiran; jenis-jenis ujian; pembinaan item soalan objektif dan struktur; statistik asas deskriptif, serta pentadbiran dan ciri-ciri ujian. Data dianalisis secara deskriptif bagi mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap elemen pentaksiran. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 44.5% responden mempunyai tahap kompetensi pentaksiran yang rendah (Skor: 41% - 60%) dan 55.5% berada pada skor kurang daripada 40% (Skor: 0 - 40%). Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa min yang tertinggi adalah pada konstruk yang keempat ( $M=6.96$ ) dan min yang terendah adalah pada konstruk kelima ( $M=2.80$ ). Hasil dapatan kualitatif turut mendapati bahawa kompetensi pentaksiran memberi pengalaman kepada responden, khususnya dalam memulakan kerjaya sebagai guru permulaan di sekolah kelak. Hasil kajian memberi implikasi terhadap pendedahan elemen pentaksiran kepada pelajar pelatih semasa berada di institusi pendidikan guru sebagai persediaan menghadapi tanggungjawab sebenar di sekolah kelak.*

**Kata Kunci:** Pendidikan Jasmani, PISMP, Pentaksiran

